



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

TEKS UCAPAN

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PAJAKAN
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PTP)
DAN
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (MRT CORP)

DoubleTree by Hilton, Putrajaya | 21 Disember 2023 (Khamis)

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

[SALUTASI - akan dikemaskini]

YB Anthony Loke Siew Fook

Menteri Pengangkutan (MOT)

YB Datuk Haji Hasbi Haji Habibollah

Timbalan Menteri Pengangkutan

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT)

YBrs. Dr. Ching Thoo A/L Kim

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

YBhg. Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain

Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG)

YBhg. Datuk Mohd Zarif Hashim

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, segala pujian dan kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita semua dapat bersama-sama hadir untuk menyaksikan **Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan Tanah bagi Jajaran MRT Lembah Klang** disempurnakan di antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan MRT Corp.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak MRT Corp di atas jemputan untuk menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan MRT Laluan Kajang dan Putrajaya yang akan dimeterai pada hari ini.
3. Sepertimana yang anda sedia maklum, proses perolehan tanah bagi tanah-tanah di sepanjang jajaran MRT adalah melalui proses pengambilan tanah. Tanah-tanah yang terlibat selanjutnya didaftarkan di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dalam dua bentuk pegangan iaitu hakmilik atau rizab.
4. Proses pengambilan tanah bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan kerana terdapat pelbagai obligasi perundangan yang harus dipatuhi di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Kanun Tanah Negara. Saya percaya, pengalaman yang telah dialami oleh JKPTG dan MRT Corp semasa proses pengambilan tanah akan membantu kedua-dua pihak untuk bertindak dengan lebih efisien pada masa hadapan.
5. Pengalaman menjalankan proses pengambilan tanah bagi infrastruktur MRT merupakan pendedahan yang terbaik kepada pihak Kerajaan dalam merangka polisi pembangunan mampan yang bersifat akomodatif. Kepadatan pembangunan di pusat bandar misalnya, menuntut kepada penyelesaian yang lebih kreatif seperti pembangunan tanah bawah tanah (stratum) dan juga pembangunan secara bertindih di atas pembangunan sedia ada (*multi-layer development*).

6. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sedang bekerjasama dengan Pihak-Pihak Berkuasa Negeri bagi memperincikan kaedah pelupusan tanah bawah tanah (stratum). Manakala, kajian sedang dilaksanakan berkaitan dengan konsep pelupusan ruang udara (spatium).
7. Untuk pengetahuan para hadirin sekalian, Perjanjian Pajakan bagi tujuan pembangunan Projek MRT Lembah Klang telah dipersetujui di antara Kerajaan Persekutuan dan MRT Corp di awal pelaksanaan projek MRT. Tempoh pajakan pula dimuktamadkan bersama pihak MRT Corp, selaras dengan persetujuan yang telah dimeterai di dalam Perjanjian Pembangunan dan Pengurusan Projek (PDMA) dan selaras Seksyen 221 Kanun Tanah Negara.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

8. Tanah merupakan suatu sumber yang terhad. Di peringkat Kerajaan, tanah merupakan aset Kerajaan yang amat bernilai, dan harus dikawal rapi bagi memastikan keseimbangan dalam penjanaaan hasil. Proses pajakan merupakan salah satu kaedah terbaik bagi memastikan tanah milik Kerajaan digunapakai bagi memaksimumkan pulangan hasil kepada Kerajaan. Kaedah ini juga membolehkan MRT Corp sebagai agensi di bawah Kementerian Pengangkutan mengawal selia, mengoptimumkan dan mengurus penggunaan tanah serta aset MRT selaras dengan peruntukan undang-undang semasa.
9. Secara tidak langsung, tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dapat dipantau dengan sistematik dan seterusnya dapat mengelakkan isu pencerobohan tanah yang akan melibatkan kos pembersihan tapak serta kos pemasangan pagar yang tinggi. Adalah diharapkan agar tanah-tanah yang terlibat dimajukan dan dijaga sepertimana yang telah dipertanggungjawabkan. JKPTG juga turut menawarkan sewaan kepada MRT dengan kadar sewaan 30 peratus daripada kadar nilai JPPH bagi tanah-tanah yang terletak di bawah jajaran bagi kegunaan MRT.

10. Saya difahamkan beberapa model *Transit Oriented Development* (TOD) juga telah dirancang di sepanjang jajaran MRT bagi memberi nilai tambah kepada stesen-stesen MRT yang telah dibangunkan. Saya menyambut baik usaha ini kerana model TOD yang dihubungkan terus (*direct link*) dengan jaringan pengangkutan awam seperti MRT dapat menyokong usaha Kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, mengurangkan pencemaran udara khususnya gas rumah hijau sekaligus mengurangkan kesan perubahan iklim. Konsep TOD juga adalah salah satu cara bagi menggalakan orang awam untuk beralih daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam.
11. Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin menzahirkan ucapan syabas kepada pegawai-pegawai daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), Kementerian Pengangkutan (MOT) serta MRT Corp yang telah bertungkus-lumus dan bersama-sama berganding bahu di dalam merealisasikan majlis menandatangani Perjanjian Pajakan pada hari ini.
12. Semoga kita semua dapat mengekalkan momentum kecemerlangan dan komitmen yang telah diberikan selama ini, dan terus mendukung usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara, kesejahteraan rakyat, dan pembangunan sejagat.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh